

Sebarang tuntutan perlu selari dengan kerangka Perlembagaan - Anwar

Utamakan kaum, bahasa kebangsaan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Sebarang tuntutan termasuk untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) tidak boleh meminggirkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mana-

mana tuntutan itu tidak boleh dibincangkan secara terpisah daripada kerangka Perlembagaan Persekutuan dan asas Bahasa Kebangsaan.

“Saya tidak peduli siapa, parti mana, pengaruh mana. Kalau saya mahu didukung sebagai Perdana Menteri, saya mesti pertahankan prinsip Perlembagaan. Apa yang berbeza, per-

bezaannya ialah tuntutan itu tuntutan yang menjurus kepada satu kaum dan satu bahasa.

“Itu saya tidak setuju sama sekali. Bawa dahulu mesej pertahankan martabat Bahasa Kebangsaan kemudian rangkul sekali keperluan penguasaan bahasa lain-lain. Itu kita boleh terima,” katanya selepas menunaikan Solat Jumaat di Masjid

Nur al-Hidayah, Kelibang di sini, semalam.

Sebelum ini, Timbalan Pengerusi DAP, Nga Kor Ming berkata, parti itu akan berjumpa dengan Perdana Menteri untuk meminta supaya kerajaan mengiktiraf UEC.

Bersambung di muka 2